

Falsafah dan Kebudayaan

Sejarah Pertumbuhan Ilmu Falsafah

Dalam bahagian yang pertama yang tersiar pada bulan yang lalu, kita telah menyajikan pendapat ahli-ahli falsafah yang berpihak ke Timur, yang menegaskan bahawa asal-usul ilmu falsafah adalah timbulnya di Timur, dan Mesir adalah menjadi pusat peradaban seluruh dunia. Dalam bahagian penutup ini, kita sajikan pula alasan-alasan ahli-ahli falsafah yang berpihak ke Barat, untuk mengetahui setakat mana kebenaran masing-masing.

(Disusun Oleh: Putera Abadi)

Memang benar tidak seorang pun ahli sejarah yang menyangkal pendapat yang mengatakan bahawa orang-orang Timur lebih dahulu menciptakan beberapa ilmu pengetahuan dan kemajuan, mengeluarkan fikiran yang bersangkutan-paut dengan soal agama. Hal ini ternyata jelas di dalam sejarah. Tetapi orang-orang Timur yang menciptakan kemajuan ini adalah kerana tuntutan hidup yang sentiasa memaksa mereka memeras dan menggunakan kecerdasan otak dan membuat percubaan dalam sesuatu perkara ialah untuk memenuhi keperluan hidup dan kerana mencari kesenangan, sebaliknya pula orang-orang Greek yang menggunakan fikiran dan membuat percubaan bukanlah kerana memenuhi tuntutan hidup dan kerana mencari kesenangan. Bahkan sesuatu itu kerana mencari kebenaran dan pengetahuan, semata-mata untuk kebenaran dan pengetahuan, bukanlah kerana ada sesuatu tujuan hidup buat kepentingan dalam mendapat mata pencarian mereka, dan bukanlah kerana perasaan cinta terhadap agama seperti mana yang telah dilakukan oleh orang-orang Timur dalam cara

mereka berfikir. Ini, beertilah mereka mengguna dan menumpukan akal fikiran ke arah mencari kebenaran ialah untuk memuaskan kelazatan berfikir, jadi, tetaplah mencari pengetahuan yang bersih dari segala ikatan tujuan hidup dan suci dari segala dorongan itu adalah pertama kalinya dicipta oleh orang-orang Greek dan merekalah yang mengembang dan menyuburkannya. Mereka memeras otak dan tenaga untuk mengkaji tentang benda yang ada ialah kerana hendak mengetahui asal dan kesudahannya, mereka memerhati perubahan segala benda yang ada kerana mencari pengetahuan semata-mata, bukan kerana suatu kepentingan dan tujuan, sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang Timur purbakala adalah semata-mata kerana keperluan hidup dan kerana memenuhi urusan pekerjaan mereka atau memenuhi tuntutan akidah keagamaan.

Untuk menjelaskan lagi hal ini, cubalah perhatikan keadaan dan cara-cara hidup orang-orang Mesir purbakala. Tidakkah segala usaha mereka kerana

kepentingan hidup mereka? Mereka menggunakan matematik untuk menyukat dan membahagikan tanah, juga untuk menggali dan lain-lain adalah kerana kepentingan pekerjaan dan untuk memudahkan perjalanan perusahaan mereka, di samping itu mereka menggunakan matematik dan kejenteraan kerana mendirikan ahram¹ bagi menyimpan mayat, kerana kepercayaan mereka terhadap kekuatan roh orang-orang mati yang berkaitan dengan kepercayaan keagamaan dan menggunakan ilmu perubatan atau ilmu kimia ialah untuk memami²kan badan-badan orang mati dan mengeluarkan bau-bauan dan bahan-bahan celupan, warna dan sebagainya kerana kepentingan agama dan pekerjaan. Tetapi orang-orang Greek menggunakan ilmu-ilmu ini dalam bentuk keperluan secara teori yang semata-mata bersandarkan kepada dalil-dalil 'aqlī. Berkenaan dengan ilmu matematik, maka Thales, Phytagoras, Aflātūn adalah orang pertama sebagai perintis menggunakan cara ini, kemudian sesudah itu datang pula Iqlīdis, (Euclides) yang mengikut cara-cara itu lalu mengarang sebuah buku yang bernama "*al-Uṣūl*" yang mana kitab ini menjadi contuma (contoh utama) bagi pemikiran ilmu *engineering* yang lengkap di Eropah. Pun begitu juga orang-orang Yunani membaiki dan memperlengkapkan ilmu kejenteraan secara teori, semata-mata kerana semangat keilmuan.

Ya, orang-orang Babylon dan Caldean lebih dahulu daripada orang-orang Greek mengetahui tentang bintang dan ilmu falak secara amalan, tapi semua ini, ialah kerana kepentingan perusahaan bercucuk tanam, menggunakan bintang-bintang di langit sebagai penunjuk jalan dalam pelayaran sama ada di laut atau di darat. Ini bukanlah beerti mereka menggunakan ilmu ini kerana semata-mata semangat

keilmuan. Tetapi orang-orang Greek menggunakan ilmu falak secara teori, memerhati peredaran bintang kerana semangat keilmuan dan untuk mengetahui peraturan yang menerangkan perjalanan bintang, mencari sebab-sebab mengapakah bintang-bintang itu timbul dan mengapa pula ia lenyap. Sesudah memerhati keadaan ini dengan teliti dapatlah mereka membuat suatu kesimpulan atau undang-undang yang tertentu yang mana dengannya boleh mengetahui perjalanan bintang dan bulan. Tidakkah ini bererti orang-orang Greek-lah yang melahirkan ilmu-ilmu ini dengan semangat keilmuan yang benar-benar merupakan suatu bingkisan yang amat berharga untuk seluruh masyarakat dunia? Batlīmūs (Ptolemy) telah menyusun sebuah kitab diberi nama "*Majesty*"³ yang mana kitab ini masih diguna sebagai tempat ambilan (*reference*) yang utama dalam hal yang bersangkutan-paut dengan soal ilmu falak hinggalah ke zaman ini, sekalipun kitab itu disusun dalam kurun kedua sebelum Masihi.

Demikian juga berkenaan dengan ilmu yang telah dibahas oleh orang-orang Timur purbakala (kerana didorong perasaan cinta terhadap agama ataupun kerana suatu tujuan hidup) telah diberi semangat baharu oleh orang-orang Greek hingga ilmu-ilmu itu hidup subur dengan semangat keilmuan yang benar-benar merupakan perbendaharaan yang tak kering-kering memberi bahan-bahan fikiran kepada seluruh masyarakat. Ilmu-ilmu ini dibentuk secara teori yang berdasarkan kepada dalil-dalil akal. Mereka membentuk ilmu-ilmu ini supaya kemas dan lengkap dengan tidak ada dorongan perasaan keagamaan ataupun tuntutan-tuntutan hidup dan tujuan-tujuan perusahaan, bahkan semata-mata mencari kebenaran untuk kebenaran, kerana suatu hal dan kepentingan apa pun.

¹ Merujuk kepada Piramid.

² Merujuk kepada memumiakan.

³ Merujuk kepada *Almagest*.

Orang-orang Timur telah mengkaji XXX⁴ berkenaan agama kerana dorongan perasaan cinta kepada agama, mereka menjadikan kajian-kajian itu sebagai jambatan untuk menyampaikan cita-cita mereka, bukanlah sebagai tujuan sepertimana yang telah dilakukan oleh orang-orang Yunani. Sebab itulah kedapatan kajian-kajian mereka bercampur aduk dengan kekhayalan dan cerita-cerita dongeng. Pemikiran terhadap soal agama bercampur dengan soal falsafah satu sama lain masih bersatu hingga tidak dapat dikenali yang mana agama dan yang mana falsafah, mereka tidak memisahkan soal falsafah dan soal agama. Sedangkan orang-orang Greek membezakan antara dua pembicaraan ini, mereka mengasingkan soal agama dengan soal falsafah, segala pemerahan otak dan fikiran mereka semata-mata ditumpukan ke arah mencari kebenaran kerana kebenaran dengan tidak ada sesuatu tujuan dan kepentingan hidup. Dari sini, nyatalah kelemahan dan kekurangan orang-orang Timur oleh meletakkan aliran-aliran yang bertujuan memperkemas dan memperelokkan hakikat yang boleh menyampaikan kepada tunjang-tunjang hakikat dengan berdasarkan dalil-dalil akal. Berdasarkan kenyataan inilah, maka kebanyakan ahli-ahli sejarah Barat mengatakan bahawa ilmu pengetahuan dan falsafah dengan makna *nazarī* (teori) adalah hasil ciptaan orang-orang Greek, setelah bermati-matian menggunakan akal fikiran mereka untuk mencipta ilmu pengetahuan, sekalipun kemajuan-kemajuan peradaban dan tamadun manusia yang pertama telah dibangunkan oleh orang-orang Timur.

Bertrand Russell satu-satunya ahli falsafah yang kebelakangan (diperanakan dalam tahun 1873) berkata dalam bukunya yang bernama "*Sejarah Falsafah Barat*" (*History of Western Philosophy*), bahawa tidak kedapatan dalam suatu sejarah bangsa manapun sesuatu yang

mengkagumkan seperti mana kebangkitan kemajuan dengan secara tiba-tiba di Greek. Sebenarnya peradaban telah pun kedapatan beribu-ribu tahun yang lampau di Mesir dan Mesopotamia, dan dari situ berkembang luas ke negeri lain yang berhampiran dengannya. Tetapi anasir-anasir yang sebenarnya masih kekurangan, hinggalah orang-orang Greek menyempurna dan melengkapinya. Apa yang tercapai oleh mereka dalam kesenian, kesusasteraan adalah terkenal biasa kepada tiap-tiap orang, tetapi apa yang mereka lakukan dalam lapangan yang berkenaan dengan akal dan fikiran adalah sangat-sangat luar biasa dan mengkagumkan. Mereka mencipta matematik, sains dan falsafah. Mereka berfikir dengan bebas dengan tidak ada batas dalam soal yang berkenaan dengan kejadian alam.

Falsafah dimulai dengan Thales yang dapat meramalkan gerhana matahari sebelum terjadinya. Mengikut ahli-ahli ilmu falak gerhana itu terjadinya dalam tahun 585 (S.M.). Demikian menurut pendapat Bertrand Russell.

Memandang kepada pendapat ini, nyatalah bahawa ilmu falsafah hanya baharu timbul dalam kurun yang keenam sebelum Masihi, bukanlah sebagaimana pendapat yang pertama tadi, bukan sedikit ahli-ahli falsafah yang bersefahaman dengan pendapat ini. Tetapi di samping itu tidak kurang pula ahli-ahli falsafah (termasuk setengah daripada ahli-ahli falsafah Greek sendiri) yang menentang pendapat ini dan menyebelahi di sebelah pihak yang mengatakan bahawa ilmu falsafah adalah tumbuhnya di Timur purbakala.

Setelah melihat dua alasan yang berpihak ke Timur dan ke Barat ini, dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa pengertian falsafah di sebelah pihak yang mengatakan falsafah timbulnya di Barat sangat-sangat terhad, mereka memberi had-had

⁴ Teks asal tidak jelas.

yang tertentu dalam takrif falsafah. Pengertian mereka tentang falsafah adalah sempit sekali, yang hanya semata-mata bermain di sekitar perkara yang berhubung dengan pengetahuan otak dan fikiran yang dapat menuju kepada kenyataan dan pengetahuan, sama ada untuk kepentingan hidup ataupun tidak. Soal yang mereka utamakan ialah menggunakan akal fikiran kerana mencari kebenaran untuk kebenaran dan untuk pengetahuan, yang akhirnya dapat pula mereka menetapkan suatu undang-undang atau kaedah yang tertentu hasil dari kajian-kajian itu.

Sekiranya makna falsafah diperluaskan lagi hingga mengandungi soal kecerdasan berfikir, dan soal roh termasuk juga soal-soal agama, maka dengan secara ikhlas dan bersih dari sentimen perkauman dan perdaerahan cenderung kita mengatakan bahawa ilmu falsafah adalah tumbuhnya di Timur purba. Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang telah diterangkan di atas tadi, makanya Masson Oursel yaitu satu-satunya filsuf Barat mengatakan bahawa tidak boleh seseorang manusia mempercayai bahawa orang-orang Yunani dan Rom juga bangsa-bangsa Eropah yang lain sahaja yang berfikir secara falsafah, malahan bangsa-bangsa lain juga ada mempunyai buah fikiran yang cemerlang seperti mana kecerdasan berfikir orang-orang Timur dalam soal yang berhubung rapat dengan kepercayaan agama, dan dari buah fikiran itu timbullah yang benar-benar merupakan fikiran secara falsafah. Di samping itu tidak ketinggalan pula bahawa fikiran secara falsafah dari berbagai-bagai peringkat manusia tetap bercampur aduk dengan soal agama, hingga susah hendak memahami satu-satu fikiran sahaja dengan tidak memahami kedua-dua soal itu (agama dan falsafah).

Setelah alasan-alasan mereka yang berpihak ke Barat dan

ke Timur terbentang luas di hadapan kita, sama ada alasan-alasan itu secara fanatik mempertikaikan sentimen perdaerahan dan perkauman ataupun tidak dapatlah kita membuat satu pengakuan dengan secara sadar dan insaf bahawa orang-orang Timur purbakala adalah sebagai pencipta pertama dalam soal peradaban dunia, mereka sebagai pelopor dan perintis jalan menuju ke arah falsafah, atau dengan kata lain mereka ialah orang yang julung-julung kali menciptakan pengetahuan, kemajuan yang menjadi sumber kemajuan dunia hari ini. Orang-orang Barat adalah sebagai pembina dan meluaskan lagi di atas batu asas yang telah diletak oleh orang-orang Timur purbakala. Sama ada disadari oleh mereka ataupun tidak. Hal ini telah pun diakui oleh orang-orang Barat yang mempunyai rasa keinsafan bahawa mereka terhutang budi kepada orang-orang Timur kerana sumbangan-sumbangan mereka yang menjadikan Barat dapat menempa zaman gemilang dan menuju ke mercu kemajuan yang tinggi sama ada dari segi atau jurusan agama, kebudayaan, kesetiaan, kesusasteraan dan ilmu-ilmu pengetahuan yang masih menjadi rebutan penduduk dunia hari ini.

Sebenarnya orang-orang Greek menerima pusaka daripada orang-orang Timur purbakala. Pusaka inilah yang membawa mereka ke arah kemajuan dan kemasyhuran. Setelah itu orang-orang Eropah pula menerima pusaka yang berupa peradaban, dan kemajuan ini daripada orang-orang Greek dan dari Empayar Rom. Kemajuan-kemajuan dari segi kebendaan dan fikiran adalah tumbuhnya dari dua pancaran ini dan berkembang luas hingga ke hari ini saat diketahui oleh mereka ataupun tidak

Sambungannya pada muka 24

Sejarah Falsafah

Sambungan dari muka 18

lebih-lebih lagi kemajuan merebak luas di dunia Barat setelah berlakunya peperangan Salib yang membawa keuntungan besar kepada benua Eropah. Gustave Le Bon pujangga Perancis yang terkenal telah menjelaskan bahawa kemajuan-kemajuan dan tamadun yang ada di seluruh Eropah ialah dari penyebaran orang-orang Arab Islam. Seorang pendeta lain pula menjelaskan bahawa Nabi Muhammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam* telah berjaya menyatupadukan bangsa Arab dan berjaya pula meluaskan kekuasaannya dari Timur ke Barat, dari India ke Spain serta menyebarkan kemajuan dan tamadun yang tinggi ke seluruh dunia, sedang Eropah pada masa itu masih tidur dalam kabut kejahilan.

Demikianlah pendapat setengah-setengah pakar ilmu pengetahuan Eropah yang mempunyai kesedaran memberi pengakuan bahawa Timur adalah perbendaharaan yang tak habis, mengeluarkan intan permata dan intisari yang berharga kepada seluruh dunia.

Setakat ini sahaja kupasan berkenaan dengan sejarah pertumbuhan ilmu falsafah dan *in sha'a Allāh* akan menyusul lagi beberapa kupasan falsafah yang penulis rasa amat penting diketahui oleh bangsa kita yang telah mencapai kemerdekaan ini, semoga dapatlah bangsa kita yang masih kekurangan dalam serba-serbi ini mengikut dan mengetahui perkembangan fikiran umat-umat dunia ini.

Punca-punca kajian dan ambilan:

1. Al-Duktūr Tawfiq al-Ṭawīl – *Asas al-Filsafah*
2. Al-Duktūr Aḥmad Fū'ād al-Ahwānī – *Fajr al-Filsafat al-Yūnāniyyat Qabl Suqrāt*
3. Al-Duktūr Ibrāhīm Bayoumi Madkour dan al-Ustādh Yūsuf Karīm – *Durūs fī Tarīkh al-Filsafah*
4. Muḥammad Yūnus – al-Adyān

5. History of Western Philosophy – Bertrand Russell
 6. Encyclopedia Britannica
 7. People of long ago
- Dan lain-lain termasuk beberapa buah majalah Arab dan Melayu – Indonesia.

Aku

Aku manusia muliawan
Aku manusia bangsawan – bukan binatang jalang
Aku dijadikan Tuhan
Dari kumpulan Islam.

Daging dan darahku untuk Tuhan
Setiap waktu merayu sayang
Di sana Tuhan, di sini aku
Dengan suara merdu berdendang sayu
Di laut api aku berenang

Di langit biru aku menyanyi
Dicincang hancur ditendang terajang
Aku tetap memuji-Mu oh Tuhan.

Dalam gelap aku meraba
Dalam terang aku merasa
Mencari hakikat – mencari makrifat-Mu Tuhan
Mencari cahaya yang terang-benderang
Terputus halkum aku menelan.

Kepada-Mu oh Tuhan kuserah jiwaku
Kepada Kau kupergi mencari reda-Mu
Tunggulah aku!

12-7-1960

– Putera Abadi